

## KEHADIRAN IMAGERI DALAM KARANGAN BAHASA MELAYU MURID DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL)

*The Presence of Imageries in Malay Essays of Students at Tamil Primary School*

Suppiah Nachiappan<sup>1</sup>, Kalai Selvan Mohan<sup>2</sup>,  
Dayang Sri Masain Abd. Rahim<sup>3</sup>, Charles Ganaprakasam<sup>4</sup> & Sandra Suffian<sup>5</sup>  
Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900  
Tanjung Malim, Perak  
\*e-mel : suppiah@fpm.upsi.edu.my

Received : 18 Oktober 2018; Accepted : 30 November 2018; Published : 29 Disember 2018

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis imageri, mengklasifikasi serta menginterpretasi peristiwa-peristiwa dan pengalaman-pengalaman yang membantu kehadiran imageri dalam karangan murid. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan penyelidikan kualitatif. Sebanyak sepuluh karangan murid Tahun 5 dan Tahun 6 di sebuah SJK (Tamil) di daerah Manjung, Perak telah dipilih untuk menganalisis bagi mengenal pasti kehadiran unsur imageri dan menginterpretasikannya menggunakan kaedah Hermeneutik. Tajuk bagi karangan adalah sama, iaitu 'Pengalaman berkelah di tepi pantai'. Hasil kajian menunjukkan imageri yang paling banyak digunakan dalam karangan murid adalah imageri kata ganda, iaitu sebanyak tiga puluh lima kali, diikuti dengan imageri aspek emosi sebanyak dua puluh kali, kemudian imageri peribahasa sebanyak sembilan kali, imageri kiasan bunga sebanyak tujuh kali dan imageri waktu sebanyak enam kali. Implikasi kajian ini adalah penting terutama kepada guru dalam membantu murid untuk menulis karangan dengan lebih berkesan. Imageri yang hadir dalam karangan-karangan bukan hanya dapat melahirkan imej dan nilai kepada karangan, malah dapat meningkatkan kualiti pengkaryaan agar semakin menarik dan diminati oleh para pembaca.

**Kata kunci**      *unsur imageri, karangan Bahasa Melayu, kaedah Hermeneutik.*

### Abstract

The study aims to identify the types of imageries, classify and interpret the events and experiences that help the presence of imageries in essays among the students. The design of this study is on qualitative research. A total of ten students of Year 5 and Year 6 at SJK (Tamil) in Manjung, Perak were selected to analyze the presence of elements of imageries and interpret them using Hermeneutics method. The title for the essay is the same, namely 'Picnic experience at the beach'. The findings show that the most widely used imageries in students essays is the *kata ganda* imagery, which is thirty-five times, followed by twenty emotion aspects, then the idioms by ten times, *kiasan bunga* by seven times, and the imagery of time aspects. Implications of this study are especially important for teachers in helping students to write

essays more effectively. The imagery present in the writings not only produce imageries and values to the essays, but can improve the quality of the writings so that the readers become more interested and enthusiastic.

**Keywords**        *Imagery elements, Malay essays, Hermeneutics method.*

## **PENGENALAN**

Sukatan Pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah mengesyorkan bahawa kemahiran menulis merupakan keupayaan murid menulis perkataan dan ayat yang mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan. Penulisan haruslah berkaitan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan berunsur pengetahuan dan penulisan imaginatif. Penguasaan kemahiran bahasa memerlukan kepelbagaian situasi dan konteks yang meliputi bentuk prosa, puisi dan grafik.

Aspek psikologi pendidikan merupakan antara elemen penting yang membantu murid untuk mencungkil maklumat daripada memori jangka panjang untuk ditulis dalam karangan. Dalam pada itu, penggunaan yang tidak meluas oleh guru semasa mengendalikan proses P&P serta inisiatif guru yang kurang memberi keutamaan untuk aspek-aspek ini semasa pemarkahan pada peringkat pengaplikasiannya dalam penulisan karangan turut memberi impak dalam penggunaan unsur imageri dalam kalangan murid.

Terdapat beberapa komponen yang perlu diberi perhatian dalam pemberian markah bagi penulisan karangan seperti format karangan, gaya penyampaian isi dan huraian, kemahiran bahasa dalam penghujahan idea dan huraian karangan tersebut. Apabila berbicara ciri bahasa, maka dilihat kemahiran yang dimiliki oleh murid dalam membuah idea yang bernas untuk menghuraikan isi dengan baik. Penulisan imageri, simpulan bahasa, peribahasa, pantun, aspek emosi, kepercayaan-kepercayaan masyarakat setempat serta nilai dan norma masyarakat yang diwakili oleh murid tersebut membantu dalam penulisan sesebuah karangan yang baik serta cemerlang. Kajian ini akan menafsirkan unsur gaya bahasa, iaitu kehadiran unsur imageri dalam penulisan karangan di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Manjung, Perak.

Maka, daripada beberapa idea dan hujah yang dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa imageri ini digunakan oleh murid semasa melakukan proses penulisan. Pemikiran murid sentiasa wujud dalam bentuk koleksi, iaitu bergerak dari satu idea, objek atau imej kepada sesuatu terjemahan yang lain. Di samping itu, pemikiran tentang imageri adalah suatu pengaliran daripada satu pengalaman kepada pengalaman yang lain yang dapat diinterpretasikan melalui penulisan. Ini dapat dibuktikan bahawa imageri memainkan peranan penting dalam proses pemahaman serta penulisan karangan dengan lebih berkesan.

## TINJAUAN LITERATUR

Penulisan karangan yang baik turut bergantung kepada penggunaan proses afektif dan kognitif. Pemahaman terhadap isi kandungan karangan adalah aspek terpenting untuk dikuasai kerana ini dapat membantu murid dalam proses mencungkil idea dalam penulisan karangan. Penguasaan kemahiran berbahasa ini dapat memantapkan penulisan karangan dengan mengambil kira kewujudan afektif dan kognitif yang mendasari penulisannya. Apabila perasaan (afektif) dan proses kognitif memangkinkan pencungkilan idea dan huraian daripada minda bawah sedar, maka kemahiran imaginasi dan kesedaran kognitif dan perasaan (afektif) turut sama bergabung dan saling berinteraksi dengan proses pemikiran yang lain untuk menghasilkan karangan dengan lebih baik (Suppiah, 2013).

Menurut Sri Rosdiniawati (2003), proses kognitif melibatkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam kemampuan dan pola berfikir, kemahiran berbahasa dan media untuk individu memperoleh pengetahuan sedia ada dalam tahap bawah sedar. Pembelajaran formal yang dialami oleh murid sejak di sekolah rendah lagi membantu mereka menghayati pengalaman dan menyimpan dalam tahap memori jangka panjang (LTM) yang akan membantu murid menulis esei dengan lebih baik. Semakin ramai ahli sains kognisi telah menyatakan idea bahawa fungsi peringkat tinggi kognitif adalah seperti memori, pengkategorian, bahasa, membuat keputusan yang akhirnya kurang daripada struktur mental berkaitan proses yang terlibat dengan persepsi dan tindakan.

Kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran kognitif yang kompleks yang memerlukan penulis mengeluarkan idea, merancang dan menyiapkan teks penulisan (Che Zanariah dan Fadzilah, 2011; Faridah, Nooreiny, Raja Mohd Fauzi, 2001). Guru-guru berpendapat masalah utama murid dalam menulis karangan ialah pelajar kurang berkemampuan dalam melahirkan atau menjana idea bagi mendapatkan isi penulisan yang baik. Pendapat ini menepati dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Nadzrah, Norsimah dan Nor Hashimah (2011) dan mereka mendapati bahawa masalah utama pelajar dalam penulisan karangan ialah pelajar tidak dapat menghasilkan idea yang matang selaras dengan usia.

Sehubungan itu juga, Marohaini (2004), Abdul Rahim (2005) dan Awang (2006) telah mendedahkan secara dramatis berkenaan kajian yang mereka dapati, iaitu mengenai sikap dan amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah juga merupakan punca kegagalan murid mengembangkan potensi penulisan. Marohaini (2004) bimbang kerana beliau mendapati pendekatan pembelajaran tradisional yang sehala masih dipraktikkan oleh guru di dalam bilik darjah. Awang (2006) pula menambah sambil mengkritik amalan pendidikan yang berlaku di sekolah sebagai kurang memenuhi prinsip pembelajaran dan perkembangan potensi individu murid. Sasaran utamanya ialah guru-guru yang kurang mendedahkan murid kepada cara yang betul walaupun garis panduan telah diperincikan oleh pendeta Za'aba sejak tahun 1960-an lagi.

Pakar bahasa dan ahli pendidik mengakui bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar diajar dan dikuasai oleh seseorang murid (Mahzan, 2008). Kelemahan pencapaian murid di sekolah rendah dalam kemahiran penulisan karangan banyak dilaporkan dalam dapatan para pengkaji bahasa dan keputusan peperiksaan awam di negara ini (Awang, 2001). Kelemahan kebanyakan

calon dalam aspek penulisan ini berpunca daripada sebab-sebab seperti tidak dapat mentakrif tajuk karangan dengan tepat, isi yang tidak dihuraikan dengan baik, menggunakan ayat yang tidak gramatis, pengolahan yang tidak menarik serta menulis karangan tanpa merangkanya terlebih dahulu. Calon juga lemah dalam penyampaian idea dan ayat-ayat tidak mempunyai hubungkait antara sama lain. Kelemahan-kelemahan ini jelas menggambarkan penguasaan sistem tatabahasa Bahasa Melayu dalam karangan murid di peringkat rendah dan menengah masih tidak memuaskan dan penulisan karangan merupakan suatu proses yang sangat kompleks (Roselan, 2003).

Proses-proses yang melibatkan pembentukan dan pentafsiran imageri amat mencabar kerana untuk memahami imageri bukanlah suatu perkara yang mudah. Kemahiran-kemahiran tertentu perlu dimiliki oleh pengkaji untuk menganalisis teks-teks tertentu menggunakan Analisis Hermeneutik. Ini kerana analisis Hermeneutik ini mengutamakan teks sebagai bahan kajian tertentu dan cuba menginterpretasi dan memahami ciri-ciri rasionaliti, pemikiran manusia dan maksud yang terkandung di dalamnya. Kaedah seperti ini adalah lebih rasional untuk menginterpretasi dan memahami maksud yang terkandung dalam karangan berkenaan sama ada tersurat atau tersirat (Loganathan, 1992;1995). Melalui analisis seperti ini diharapkan segala aspek imageri dalam karangan-karangan dapat dijelaskan dengan lebih terperinci. Guru turut perlu menguasai kaedah analisis Hermeneutik supaya dapat menilai prestasi murid untuk peringkat seterusnya dengan lebih berkesan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini adalah untuk menilai penggunaan jenis-jenis imageri dalam karangan sebagai suatu elemen penting untuk meningkatkan mutu penulisan karangan murid. Asmah Omar (2010) berpendapat bahawa ciri kepelbagaian merangkumi pelbagai cara dan gaya penyampaiannya, iaitu menulis fikiran, perasaan atau pendapatnya dalam karangan yang dihasilkan. Murid masih tidak boleh menghasilkan karangan yang baik sewaktu proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Bahasa Malaysia di sekolah. Kebanyakan karangan yang ditulis oleh murid didapati masih terdapat kelemahan dari segi aspek gaya bahasa seperti penggunaan imageri yang tidak menyeluruh. Ini bererti, pendedahan, ilmu serta kemahiran tentang penggunaan imageri dalam penulisan karangan melalui proses PdPc Bahasa Malaysia sejak di Tahun 1 hinggalah Tahun 5 tidak tersimpan dalam memori jangka panjang.

Dalam abad ke-21 ini, guru tidak lagi hanya boleh bergantung sepenuhnya kepada penerangan secara lisan dan penggunaan papan tulis. Profil murid pada hari ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan profil murid pada masa lampau. Pembelajaran murid juga berbeza jika dibandingkan dulu dengan pada masa kini. Bahasa Melayu telah menjadi subjek wajib dipelajari di semua peringkat persekolahan di Malaysia dengan termaktubnya Akta Pelajaran 1961. Menurut Eddayana dan Rohani (2015), terdapat segelintir murid semasa di sekolah rendah lagi sudah mempunyai masalah dalam penggunaan gaya bahasa semasa menulis karangan. Murid juga kadang kala menggunakan gaya bahasa yang kurang sesuai ketika mengarang.

Di samping itu, sikap murid-murid juga mempengaruhi masalah penulisan karangan. Sikap murid yang tidak mahu mengambil inisiatif untuk mempelajari Bahasa

Melayu telah membawa kepada kegagalan dalam penulisan karangan. Kekurangan amalan membaca membawa kepada penguasaan bahasa yang boleh mempengaruhi proses kognisi mereka dalam penulisannya. Amalan membaca mendorong murid-murid mengenali, mengetahui dan mempelajari unsur-unsur bahasa seperti unsur imageri untuk menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti. Guru-guru hendaklah mengajar kelainan-kelainan bahasa diraja, bahasa halus dan bahasa terpelajar semasa mengajar Bahasa Malaysia penguasaan bahasa murid menjadi lebih berkualiti.

Dalam pada itu, murid-murid India kurang mampu untuk mengarang dengan baik tanpa bantuan dan bimbingan guru. Hasil pemeriksaan daripada karangan yang ditulis oleh murid tahun 5 dan Tahun 6 di SJK (Tamil), memperlihatkan bahawa pencapaian dalam penulisan karangan murid-murid tersebut tidak mencapai tahap yang memuaskan. Mereka kekurangan idea untuk menghasilkan penulisan yang kreatif. Kemahiran penulisan dari segi aspek ejaan, pemilihan kata, kosa kata, struktur ayat dan penggunaan unsur bahasa seperti imageri untuk menulis karangan hanya berada pada tahap yang memberangsangkan.

Justeru, penyelidik akan menjalankan kajian untuk menjelaskan imageri yang terdapat dalam karangan murid melalui proses-proses kognitif seperti penaakulan, ingatan, kreativiti, motivasi dan sebagainya. Pengetahuan dan pemahaman yang mendalam tentang imageri pula turut akan membantu guru-guru untuk mengemukakan tajuk karangan berdasarkan aspek berbentuk cerita yang menyentuh perasaan dan pengalaman murid. Kajian ini juga akan dapat mengenal pasti jenis karangan yang mengandungi imageri yang banyak, nyata dan sebaliknya. Keadaan ini akan memperkaya nilai-nilai yang berkait dengan imageri. Judy (1976) menambahkan bahawa, “merit tertinggi perlu diberi untuk penghasilan dan penampilan idea-idea dan sentimen-sentimen asal serta bentuk-bentuk ekspresi. Melalui penulisan karangan, idea-idea murid dapat ditafsir dalam bentuk ekspresi supaya penonjolan imageri dapat mengukuhkan gaya kepenalaran murid berdasarkan idea dan kreativitinya”.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- i) Mengenal pasti jenis-jenis imageri yang terkandung dalam karangan-karangan murid Tahun 5 dan Tahun 6 di SJK (Tamil).
- ii) Mengenal pasti sejauh mana kehadiran imageri dapat membantu murid dalam menghasilkan karangan yang baik dalam kalangan murid Tahun 5 dan Tahun 6 di SJK (Tamil).


## **SOALAN KAJIAN**

- i) Apakah jenis-jenis imageri yang terkandung dalam karangan-karangan murid Tahun 5 dan Tahun 6 di SJK (Tamil)?
- ii) Sejauh manakah kehadiran imageri dapat membantu murid dalam menghasilkan karangan yang baik dalam kalangan murid Tahun 5 dan Tahun 6 di SJK (Tamil)?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah merupakan suatu kajian untuk mengkaji kehadiran imageri dalam penulisan karangan murid Tahun 5 dan Tahun 6 di salah sebuah SJK (Tamil) di daerah Manjung yang terpilih dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Karangan-karangan yang ditulis oleh murid dianalisis untuk mengenal pasti unsur-unsur imageri dan ditafsir menggunakan kaedah Hermeneutik bagi menjelaskan kehadiran unsur-unsur imageri yang terkandung dalam karangan murid-murid tersebut. Menurut Abdul Rahman (1993), kaedah Hermeneutik dipilih untuk mengkaji sesuatu teks kerana kaedah ini bukan sahaja membantu untuk mengesan dan mengenal pasti secara terperinci tentang ciri-ciri tersurat, akan tetapi juga yang tersirat dalam situasi tertentu. Beberapa ciri turut dikenal pasti untuk mengesan kehadiran imageri dalam penulisan karangan murid. Semasa sebuah teks dibaca dan diteliti, secara disadari ataupun tidak akan memunculkan interpretasi terhadap teks tersebut yang tidak pernah terlepas daripada unsur bahasa. Kaedah Hermeneutik merupakan satu kaedah yang dapat menyesuaikan setiap elemen dalam setiap teks menjadi satu keseluruhan lengkap yang dikenali sebagai lingkaran hermeneutik. Ciri-ciri individu dapat diinterpretasi berdasarkan keseluruhan konteks, dan keseluruhan konteks dapat diinterpretasi melalui ciri-ciri individual tersebut (Eagleton, 2006).

Menurut Suppiah (2003), Kaedah Hermeneutik membolehkan pengkaji membuat interpretasi berdasarkan teori dan pengetahuan dalam memahami teks individu yang mempunyai makna tersirat yang terkandung dalam teks. Dalam kaedah Hermeneutik, Semua teks yang dianalisis secara Hermeneutik dapat menghasilkan makna. Suppiah (2018), teks dianalisis secara lisan atau tidak lisan yang dihasilkan oleh manusia untuk menggambarkan makna bagi perasaan, perangai dan pemikiran manusia. Dalam kes ini teks merujuk kepada karangan yang ditulis oleh murid-murid. Suatu metateks akan diperolehi hasil daripada interpretasi teks asal, iaitu hasil interpretasi karangang murid-murid tersebut. Menurut Suppiah (2018), analisis Hermeneutik digunakan untuk menginterpretasi karangan pelajar. Maka, reka bentuk kajian boleh dibina seperti dalam Rajah 1:



**Rajah 1: Reka Bentuk Kajian menggunakan kaedah Hermeneutik**

**Sumber:** (Suppiah, 2003)

## SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian ini, iaitu karangan yang ditulis oleh murid disebut sebagai ‘teks’. Ia merupakan unit analisis atau bahan interpretif dalam kajian Hermeneutik ini. Seramai 10 orang murid Tahun 5 dan Tahun 6 dari sebuah sekolah di daerah Manjung di Perak telah digunakan dalam kajian ini. Mereka diberikan satu tajuk, iaitu ‘Pengalaman berkelah di tepi pantai’ dan menulis karangan tersebut dalam Bahasa Melayu, sejumlah 80 hingga 120 patah perkataan. Masa yang diberikan ialah dua waktu pelajaran Bahasa Melayu, iaitu 60 minit. Karangan yang dihasilkan itu adalah daripada karangan asal yang ditulis secara spontan tanpa apa-apa paksaan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Soalan kajian 1:

Apakah jenis-jenis imageri yang terkandung dalam karangan-karangan murid Tahun 5 dan Tahun 6 di SJK(Tamil)?

Sebanyak lapan jenis imageri yang digunakan dalam 10 karangan yang dihasilkan oleh murid Tahun 5 dan 6. Jadual 1 menunjukkan jenis imageri dalam karangan murid secara terperinci.

**Jadual 1: Jenis-jenis imageri dalam karangan murid**

Jenis Imageri	Kekerapan Ulangan
Kata ganda	35
Emosi	20
Peribahasa	9
Kiasan bunga	7
Waktu	6
Bandingan semacam	1
Metafora	1
Auditori	1

### Soalan kajian 2:

Bagaimanakah kehadiran imageri dapat membantu murid dalam menghasilkan karangan yang baik?

Melalui analisis penulisan karangan murid-murid didapati mempunyai keupayaan untuk menulis unsur imageri dalam menggambarkan pengalaman, suasana serta situasi melalui penggunaan ayat-ayat. Murid-murid dapat memproses maklumat yang telah diketahui, dipelajari dan didapati dalam kehidupan yang tersimpan dalam tahap bawah sedar mindanya. Apabila murid mengingat semula maklumat melalui pemrosesan informasi, maka murid lebih mudah untuk mengingat semula maklumat yang relevan dengan tajuk karangan yang diberikan, iaitu ‘Pengalaman berkelah di tepi Pantai’.

Murid-murid memproses maklumat yang telah tersimpan dalam mindanya untuk menghasilkan karangan yang baik. Hal ini kerana murid-murid tersebut telah melalui situasi tersebut sebagai pengalaman dalam kehidupannya. Murid-murid ini juga memahami penulisan karangan yang mantap termasuk penggunaan imageri seperti peribahasa, kiasan, metafora, simpulan bahasa, bandingan semacam, slogan dan sebagainya.

Kehadiran imageri dalam karangan-karangan yang dihasilkan oleh murid amat membanggakan kerana mereka mahir serta dapat menggunakan pelbagai imageri yang sesuai untuk menggambarkan suasana, luahan minda serta aspek kognisi yang sekian lama terpahat dalam memori jangka panjang murid. Pengalaman yang telah dilalui memang menyentuh minda murid dan proses afeksi lebih menonjol dalam mengetahui maklumat yang terdapat dalam memori jangka panjang dengan dibantu oleh proses kognisi. Suppiah (1997) pula menjelaskan ekspresi dan pengalaman hidup yang sedia ada dalam memori jangka panjang membolehkan murid untuk menulis karangan yang baik serta berkualiti.

Justeru, murid-murid telah diasuh dan dilatih untuk menggunakan imageri seperti peribahasa, kiasan, imageri waktu, imageri emosi dan sebagainya dalam karangan murid sejak bermula Tahap 2, iaitu Tahun 4 sehingga Tahun 6 di sekolahnya. Latih tubi amat membantu murid dalam menyiapkan sesuatu karangan yang berdasarkan unsur imageri yang meluas. Penggunaan imageri dalam karangan adalah kerana murid-murid berjaya membuat banyak latihan yang dapat memperluas, memantapkan serta meningkatkan ilmu kepengarangan berdasarkan unsur imageri.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, jelaslah murid mengetahui kepentingan kehadiran imageri dalam penulisan karangan. Mereka berjaya mengaplikasikannya dengan sepenuhnya. Pengkaji mendapati bahawa kesedaran penggunaan imageri dalam karangan harus dipertingkatkan oleh guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu. Penggunaan imageri dalam karangan memerlukan pengorbanan oleh guru yang mengajar subjek bahasa, khususnya. Mereka harus mengutamakan unsur imageri dalam PdPc Bahasa Melayu sejak di sekolah rendah lagi. Guru harus mengajar murid ke arah penghayatan imageri dalam karangan.

Melalui hasil dapatan kajian, pengkaji dapat membuat tafsiran bahawa para pendidik harus memainkan peranan yang penting dalam menyuntik, mencungkil serta membantu murid untuk menghasilkan karangan yang berkualiti. Pendidik juga harus menggalakkan murid agar mengaitkan isi karangannya bersama unsur imageri dalam proses P&P di sekolah. Hal ini akan membantu murid untuk menghasilkan karangan yang berkualiti dan sekali gus melengkapkan diri untuk peperiksaan awam yang bakal didudukinya. Kehadiran imageri yang sesuai serta baik dalam karangannya lebih cenderung untuk mendapat markah yang lebih tinggi dalam kertas Penulisan Bahasa Melayu.

Dalam pada itu, penggunaan imageri dapat membantu murid merakam peristiwa lampau yang ada kaitannya dengan idea dan huraian sesuatu isi karangan dalam konteks kesinambungan unit episod (pengalaman dan peristiwa kecil).



Dalam kajian ini, imageri dijadikan fokus untuk diketengahkan sejauh mana murid menggunakan imageri untuk mengindahkan, memperkayakan khazanah sastera dan seni budaya dan dalam masa yang sama dapat menulis suatu karangan yang berkualiti dan baik.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2005). *Profesionalisme keguruan: Prospek dan cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abu Bakar. (1993). *Satu kajian terhadap ciri-ciri pengajaran guru yang berkesan melalui Analisis Hermeneutik*. Minden: Universiti Sains Malaysia (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan).
- Asmah Omar. (2010). *Kajian dan perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2006). *Warna dan suasana perancangan Bahasa Melayu di Malaysia. Terbitan ke-2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Zanariah & Fadzilah Abd. Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 67(1). 67-87.
- Eagleton, T. (2006). *Teori Sastra: Sebuah Pengantar Komprehensif*. Harfiah. Yogyakarta: Jalasutra.
- Eddayana Abdullah & Rohani Ishak. (2015). Integrasi Portal 10'M dalam Pengajaran Karangan bagi Menjalankan Pembelajaran Pembelajaran. *Seminar Bahasa Melayu*.
- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof & Raja Mohd Fauzi Raja Musa. (2001). Masalah penulisan naratif di kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan*, 27, 3-26.
- Judy. (1976). *Writing for the here and now in current topics in language: Introductory Readings*. (Edi. by Nancy, J. A.) Winthrop Publications.
- Loganathan, K. (1992). *Hermeneutic analysis of discourse*. Thiruvananthapuram: International School of Dravidian Linguistics.
- Loganathan, K. (1995). Pedagogic Hermeneutics and the Unification of Positive and Hermeneutic Sciences. Paper presented at the International Seminar of Asian Bishop's Association, New Delhi and at The Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, November 1995.
- Marohaini Yusof. (2004). *Perlakuan dan proses menulis karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Nadzrah Abu Bakar, Norsimah Mat Awal & Nor Hashimah Jalaludin. (2011). *Writing proficiency of upper secondary school students*. Diperoleh pada 15 April 2016 daripada: <http://pkukmweb.ukm.hmy/solls09/Proceeding/PDF/Nadzrah.pdf>.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu: Senario, teori dan panduan untuk guru dan pelajar*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.

- Sri Rosdiniawati. (2003). *Perkembangan anak sebagai peribadi yang unik*. Diperoleh pada April 16, 2016. Diambil dari [www.puskar.or.id](http://www.puskar.or.id).
- Suppiah, N. (1997). *Imageri Dalam Esei. Kajian Hermeneutik Esei-Esei Terpilih Pelajar Sekolah Menengah Atas*. Minden: Universiti Sains Malaysia (Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan).
- Suppiah, N. (2003). *Proses Kognitif Dalam Penulisan Esei Melalui Analisis Hermeneutik*. Minden: Universiti Sains Malaysia (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan).
- Suppiah, N. (2013). *Proses Kognisi dan Afeksi: Kaedah Pedagogi Hermeneutik dan Interpretasi*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suppiah, N. (2018). *Gaya Bahasa dan Proses Kognisi: Kaedah Hermeneutik dan Interpretasi*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.